

Inspirasi budaya hidup Jepun

Oleh SURAIDAH ROSLAN

► Membangun tapi bersatu-padu, contoh kehidupan masyarakat negara matahari terbit itu

KOTA KINABALU: Walau tidak mengenali budaya masyarakat Asia secara keseluruhannya namun, menetap selama 30 tahun di Jepun membuatkan Profesor

dari Universiti Hiroshima, Profesor Emeritus Dr Peter Anthony Goldsbury kagum dengan semangat perpaduan yang wujud dalam kalangan masyarakat di negara

matahari terbit itu.

Budaya kehidupan di situ antara sesuatu yang boleh diikuti oleh masyarakat di negeri ini jika ingin bergerak maju ke hadapan.

Beliau berkata, biarpun Jepun dikelilingi apartmen dan bangunan pencakar langit yang mungkin dianggap penghalang kepada masyarakat untuk menyemai semangat kekitaan tetapi, perpaduan dalam kalangan masyarakat Jepun masih kuat.

Biarpun suasana kejiranan semakin hilang kerana penduduk Jepun kebanyakannya tinggal di apartmen namun, semangat perpaduan mereka sangat kuat.

Malah, Perdana Menteri Jepun juga memberi penekanan untuk mengekalkan nilai tradisi dalam kalangan masyarakat di negara itu.

"Melihat perkembangan yang berlaku di mana, penekanan mula diberikan kepada pendidikan serta cara anak-anak di negara itu dibesarkan dan diberi pendidikan, ia akan terus membuatkan Jepun

terus membangun," katanya ketika menjawab persoalan bagaimana persekitaran hidup di Jepun boleh diadaptasikan oleh masyarakat di negeri ini.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas menyampaikan Ceramah Umum tentang 'The Japanese Culture & Attitude towards work & life: A Comparative Insight from Non-Japanese Perspective & Bushido', di sini kelmarin.

Sementara itu, Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS) Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah dalam ucapan perasmianya berkata, pemilihan UMS sebagai tempat pengajuran Seminar Aikido Antarabangsa itu adalah satu penghormatan yang besar kepada universiti berkenaan.

Dengan pelaksanaan program selama tiga hari di UMS itu, ia menjadikan UMS sebagai universiti ASEAN pertama yang menganjurkan Seminar Aikido Antarabangsa yang diketuai oleh Pengerusi Persekutuan Aikido Antarabangsa (IAF) Tokyo, Prof Dr D. Kamarudin



KAMARUDIN (kanan) menyampaikan cenderamata kepada Peter Anthony (kiri) selepas Ceramah Umum 'The Japanese Culture & Attitude towards work & life: A Comparative Insight from Non-Japanese Perspective & Bushido', di UMS.

Dr Peter Anthony.

Diharapkan kerjasama berkenaan akan dapat diteruskan pada masa-masa yang akan datang.


Seminar tiga hari itu dianjurkan oleh Pusat Latihan Aikido UMS, Pejabat

Pendaftar dan Pusat Sukan UMS dengan kerjasama Persatuan Akikai Malaysia.

Beliau berkata demikian dalam teks ucapannya yang dibacakan oleh Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) UMS Prof Dr D. Kamarudin

D. Mudin.

Dalam pada itu, Harun turut mengalakukan pelajar UMS agar mempelajari seni pertahanan diri Aikido itu bagi membolehkan mereka menjalani kehidupan yang seimbang.



PROFESOR Emeritus Dr Peter Anthony Goldsbury ketika menyampaikan ceramah umum sempena Seminar Aikido Antarabangsa.